



ResMed

AirSense™ 10 AUTOSET

ELITE



Butang Utama untuk kembali ke
skrin Utama pada bila-bila masa

Butang Mula/Henti untuk memulakan terapi

Dail untuk pilihan navigasi dan perubahan

Salur keluar udara untuk menyambungkan tiub udara

Panduan mula pantas

Bahasa Melayu

Baca Panduan Pengguna AirSense™ 10 anda sehingga habis sebelum menggunakan peranti.

Penyediaan




Letakkan peranti di atas permukaan yang stabil dan rata.



Pasangkan penyambung kuasa kepada bahagian belakang peranti. Sambungkan satu hujung kord kuasa kepada unit bekalan kuasa dan hujung yang satu lagi kepada salur keluar kuasa.



Sambungkan tiub udara dengan betul kepada salur keluar udara yang terletak di bahagian belakang peranti.



Sambungkan dengan kejam hujung tiub udara yang bebas kepada topeng muka yang telah dipasang. Tekan Mula/Henti untuk memulakan terapi.

AirSense 10 dengan HumidAir

Sekiranya anda mempunyai peranti AirSense 10 dengan HumidAir™, isi alat pelembap tersebut seperti berikut:



Buka alat pelembap dan isi dengan air sehingga tanda paras air maksimum.



Tutup alat pelembap dan masukkan ke dalam bahagian sisi peranti.

Pelembapan panas memberikan kelegaan daripada kekeringan dan kongesti serta direka untuk menjadikan terapi lebih selesa. Sekiranya anda tidak mempunyai peranti AirSense 10 dengan HumidAir, sila pertimbangkan untuk membeli HumidAir dan tiub udara panas ClimateLineAir™.

Penyesuaian kepada terapi


Sekiranya anda merupakan pengguna kali pertama, anda mungkin memerlukan sedikit masa untuk membiasakan diri dengan terapi. Ini adalah perkara lazim kerana kebanyakan pesakit memerlukan antara satu dan dua minggu untuk menyesuaikan diri dengan tekanan udara.

Mengatasi simptom dengan menukar tetapan keselesaan


Sekiranya anda mengalami kesukaran untuk membiasakan diri dengan terapi, gunakan ciri keselesaan AirSense 10 untuk membantu anda mendapatkan tidur yang lebih nyenyak.

- **Sukar untuk lena**—Sekiranya anda mengalami kesukaran untuk lena dengan tekanan yang tinggi, hidupkan Tanjakan Automatik (Auto Ramp) atau tingkatkan Masa Tanjakan (Ramp Time).
- **Rasa kembung**—Sekiranya anda mengalami sedikit rasa kembung kerana menelan udara, hidupkan Tanjakan Automatik (Auto Ramp) atau tingkatkan Masa Tanjakan (Ramp Time).
- **Rasa tidak cukup udara**—Sekiranya anda berasa anda tidak mendapat udara yang cukup, Matikan Masa Tanjakan (Ramp Time).

Untuk menukar Masa Tanjakan (Ramp Time):




1. Tekan dail untuk memasukkan Pilihan Saya.



2. Putarkan dail untuk menyerlahkan Masa Tanjakan (Ramp Time) dan kemudian tekan untuk memilihnya.



3. Putarkan dail untuk menyelaraskan tetapan pilihan anda.



4. Tekan dail untuk menyimpan perubahan.

Sekiranya anda mempunyai peranti AirSense 10 dengan HumidAir, anda mempunyai lebih banyak ciri keselesaan tersedia yang membantu menjadikan terapi anda lebih selesa.

- **Hidung kering atau berair**—Sekiranya hidung anda kering atau berair, selaraskan Tahap Kelembapan dengan menaikkannya.
- **Titisan air (pemeluwapan)**—Sekiranya terdapat titisan air pada hidung, topeng atau tiub udara anda, selaraskan Tahap Kelembapan dengan menurunkannya.



ResMed

Pembersihan

1. Cuci tiub udara di dalam air suam menggunakan detergen yang lembut. Jangan cuci di dalam alat pencuci pinggan mangkuk atau mesin basuh.
2. Bilas tiub udara dengan sempurna dan biarkan kering jauh dari cahaya matahari dan/atau haba langsung.
3. Lap bahagian luar peranti dengan kain kering.

Sekiranya anda mempunyai peranti AirSense 10 dengan HumidAir, bersihkan pelembap mengikut langkah 1 dan 2.

Rujuk Panduan Pengguna topeng anda untuk mendapatkan arahan terperinci mengenai pembersihan topeng anda.

Memeriksa dan menggantikan bahagian alat dengan kerap

Penting untuk anda memeriksa dan menggantikan bahagian serta bekalan alat anda dengan kerap demi keselesaan dan kesihatan anda. Menggantikan bahagian dan bekalan alat anda secara kerap membantu memastikan anda mendapat terapi optimum dan keselesaan berterusan.

Rujuk Panduan Pengguna AirSense 10 anda untuk mendapatkan arahan terperinci mengenai pemeriksaan peranti anda. Hubungi penyedia penjagaan anda untuk maklumat tentang jadual penggantian anda.

Nombor siri	Nombor peranti
Jenis dan saiz topeng	Tarikh penyediaan
Perhatian	

 **ResMed Pty Ltd**
1 Elizabeth Macarthur Drive
Bella Vista NSW 2153 Australia

Lihat ResMed.com untuk lokasi ResMed lain di seluruh dunia. AirSense, ClimateLine dan HumidAir ialah tanda dagangan dan/atau tanda dagangan berdaftar bagi kumpulan syarikat ResMed. Untuk mendapatkan maklumat paten dan harta intelektual lain, sila lihat ResMed.com/ip. © 2021 ResMed. 378984/1 2021-06

ResMed.com



378984